

MAHATHIR - ASLI

BANDAR MUADZAM SHAH, 6 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA LEBIH BERTAMADUN DAN BERPERIKEMANUSIAAN BERBANDING BEBERAPA NEGARA MAJU DARIPADA SEGI MEMELIHARA KEBAJIKAN MASYARAKAT KAUM PRIBUMI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, NASIB MASYARAKAT KAUM ASLI DI SESETENGAH NEGARA MAJU LEBIH BURUK KERANA TANAH MEREKA DIRAMPAS TANPA DIBERI PAMPASAN MANAKALA ADA YANG DIBUNUH SUPAYA PUPUS.

BELIAU MEMBERI CONTOH KAUM MOHAWK DI KANADA, YANG DIRAMPAS TANAH MEREKA UNTUK PROJEK PADANG GOLF TANPA DIBERI PAMPASAN MALAH TENTERA DAN KERETA KEBAL DIHANTAR UNTUK MEMATAHKAN TINDAKAN PROTES KAUM ASLI ITU.

+KEADAAN INI BERLAKU DI NEGARA MAJU DAN MODEN, DAN NEGARA SEPERTI INILAH YANG MENGECEM MALAYSIA KONONNYA TIDAK MEMBERI LAYANAN BAIK KEPADA ORANG PENAN DI SARAWAK,+ KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN RIBUAN ORANG ASLI DARI SELURUH SEMENANJUNG DI KEDAIK, KIRA-KIRA 20 KM DARI SINI.

MENURUTNYA, MASYARAKAT PENAN DIBERI LAYANAN BAIK WALAUPUN MEREKA MENENTANG KEGIATAN PEMBALAKAN DENGAN MEMBINA BENTENG MANUSIA. -- LAGI 1407MST 06 09 90

D449

R B704 AAB

MAHATHIR - ASLI 2 BANDAR MUADZAM SHAH

+KITA TIDAK HANTAR TENTERA DAN KERETA KEBAL...SEBALIKNYA KITA PUJUK DAN BERI BANTUAN SUPAYA MEREKA TIDAK MEMBUAT BENTENG,+ KATANYA.

SAMBIL BERTANYA YANG MANAKAH LEBIH BERTAMADUN DAN BERPERIKEMANUSIAAN? PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA:+ KITA MEMPUNYAI TAMADUN YANG LEBIH TUA DARIPADA MEREKA DAN KITA TIDAK BUAT SEMACAM ITU+.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI CONTOH KAUM ASLI DI SEBUAH NEGARA LAIN, YANG TELAH PUPUS AKIBAT DIBUNUH, MANAKALA ADA YANG DIPENJARAKAN SERTA DIBERI MINUMAN KERAS SUPAYA MEREKA LUPA KEPADA KAMAJUAN.

+SEBENARNYA MEREKALAH YANG MEMPUNYAI SIKAP YANG AMAT KEJAM TERHADAP ORANG ASLI. SEMUA SUKU KAUM ASLI DIBUNUH SUPAYA TIDAK MENGHALANG KAUM MENDATANG+, KATANYA.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU SUKU KAUM ASLI DI NEGARA INI SEMAKIN BERTAMBAH DAN KINI MENCAPAI BILANGAN 72,000 ORANG. -- LAGI 1410MST 06 09 90

D450

R B705 AAB

MAHATHIR - ASLI 3 BANDAR MUADZAM SHAH

PERDANA MENTERI JUGA KESAL KERANA ADA RAKYAT TEMPATAN YANG BEKERJASAMA DENGAN ORANG ASING UNTUK MENGECEM MALAYSIA TETAPI +MEMBISU SERIBU BAHASA+ APABILA ORANG ASING MENINDAS MASYARAKAT KAUM ASLI.

DATUK SERI DR MAHATHIR PADA MAJLIS ITU MENGUMUMKAN KENAIKAN ELAUN BAGI KIRA-KIRA 690 BATIN ORANG ASLI DI SELURUH SEMENANJUNG KEPADA KADAR ANTARA \$600 DAN \$900 SETAHUN.

KATANYA, PARA BATIN YANG SEBELUM INI MENERIMA SEBANYAK \$80 SETAHUN AKAN MENERIMA \$900 BAGI KATEGORI A, \$750 BAGI KATEGORI B, MANAKALA BAGI KATEGORI C KE BAWAH MENERIMA \$600 SETAHUN.

BELIAU BERKATA, KENAIKAN ELAUN ITU ADALAH SEBAGAI MENGIKTIRAF PERANAN BATIN DALAM MENGURUS DAN MENTADBIR MASYARAKAT ORANG ASLI.

PENKATEGORIAN BATIN ITU BERASASKAN KEPADA KELUASAN DAERAH PENGAWASAN MEREKA DAN BILANGAN ORANG ASLI. KENAIKAN ELAUN ANTARA TUJUH DAN 11 KALI GANDA ITU BERKUATKUASA 1 JULAI LEPAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGHARGAI JASA MASYARAKAT ORANG ASLI KERANA MENJADI +MATA DAN TELINGA+ KEPADA PASUKAN KESELAMATAN SEMASA MENENTANG PENGGANAS KOMUNIS. -- LAGI

D452

R B706 AAB
MAHATHIR - ASLI 4 BANDAR MUADZAM SHAH

PERDANA MENTERI MENGGESA MASYARAKAT ORANG ASLI SUPAYA MENERIMA CARA HIDUP BARU DAN MENYERTAI SEGALA KEGIATAN PEMBANGUNAN AGAR MEREKA TIDAK KETINGGALAN DARIPADA KUMPULAN MASYARAKAT YANG LAIN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA MASYARAKAT ORANG ASLI HENDAKLAH MENGEKALKAN TRADISI DAN BUDAYA MEREKA YANG UNIK SUPAYA TIDAK PUPUS.

SAMBIL MEMBERI CONTOH KEMAMPUAN ISTIMEWA ORANG ASLI MENGGUNAKAN SUMPITAN, BELIAU BERKATA PERTANDINGAN SUMPITAN AKAN DIJADIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA ACARA SUKAN NEGARA PADA SETIAP TAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATI MASYARAKAT ORANG ASLI SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN HASUTAN DAN PUJUKAN GOLONGAN TERTENTU YANG MAHU Mencari Pengaruh Untuk Kepentingan Diri Menjelang Pilihan Raya.

BELIAU JUGA MENYARANKAN SUPAYA DIADAKAN PERJUMPAAN ANTARA MASYARAKAT ORANG ASLI DI SEMENANJUNG SEKURANG-KURANGNYA DUA TAHUN SEKALI BAGI MENERATKAN HUBUNGAN SESAMA MEREKA DAN JUGA DENGAN KUMPULAN MASYARAKAT YANG LAIN. -- BERNAMA
1419MST 06 09 90